



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/10/72 (HQ)

BEKERJA DARI RUMAH: AMALAN PENGGUNAAN ELEKTRIK CERMAT, POKET SELAMAT

Bermula 22 Oktober 2020, kebanyakan warga kerja di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mula bekerja dari rumah seiring dengan pematuhan arahan kerajaan dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Berdasarkan perintah untuk bekerja dari rumah lalu, penggunaan elektrik isi rumah mungkin meningkat daripada kebiasaan berikutnya lebih masa dihabiskan di rumah.

Dalam kesibukan kita bekerja atau belajar secara maya sepanjang tempoh ini, banyak peluang yang boleh diambil bagi menggunakan elektrik secara berhemah dan mengelak pembaziran.

Justeru, TNB menasihatkan pengguna agar mengamalkan beberapa panduan penggunaan elektrik yang cekap seperti berikut:

1. Matikan komputer dan cabut suis selepas selesai menggunakan. Sekiranya mengecas komputer riba, matikan suis apabila selesai mengecas;
2. Memastikan semua pintu, tingkap dan lubang edaran udara tertutup rapi ketika menggunakan pendingin hawa supaya hawa sejuk tidak keluar dari bilik. Gunakan kipas bagi membantu menyejukkan hawa bilik agar suhu pendingin hawa dapat dilaraskan lebih tinggi (antara 24 ke 26 darjah Celcius) bagi menjimatkan tenaga;
3. Membersihkan penapis pendingin hawa bagi memaksimumkan proses penyejukan. Penapis yang kotor menghalang aliran udara dan mengurangkan kecekapan pendingin hawa;
4. Mengelakkan mencuci pakaian menggunakan air panas, melainkan sekiranya perlu dan menggunakan mesin basuh dengan muatan penuh;
5. Mengurangkan penggunaan pengering pakaian. Ambil kesempatan cuaca panas untuk mengeringkan pakaian secara semulajadi;
6. Menutup suis dan menanggalkan palam peralatan elektrik apabila tidak digunakan serta tidak membiarkan peralatan elektrik seperti kipas dibiarkan terpasang di dalam bilik yang kosong;
7. Sekiranya mandi menggunakan alat pemanas air, kurangkan tempoh mandian;
8. Sekiranya ingin menggunakan seterika, himpukkan baju dan gosok sekaligus kerana ia lebih menjimatkan elektrik; dan
9. Bagi mereka yang menggunakan ketuhar elektrik, elakkan daripada kerap membuka pintu ketuhar ketika memasak bagi memastikan suhu ketuhar stabil. Memasak pelbagai hidangan serentak juga lebih menjimatkan.

Para pengguna boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai kaedah penggunaan tenaga yang berhemah dan bijak dengan melayari pautan <https://www.mytnb.com.my>.


Dalam pada itu, pengguna akan terus menikmati Diskaun Rangsangan Ekonomi sehingga 50 peratus untuk penggunaan elektrik bulanan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020.

Inisiatif kerajaan yang memberi manfaat kepada lebih 7 juta pengguna kediaman ini diteruskan bagi membantu rakyat menyesuaikan diri dengan pemulihian semula ekonomi negara ketika ini.

Maklumat lanjut mengenai Diskaun boleh diperolehi di www.tnb.com.my/prihatin.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 23 Oktober 2020, jam 11:30 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524
atau emel kami: media@tnb.com.my



Seiring dengan pematuhan arahan kerajaan untuk bekerja dari rumah semasa melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), pengguna boleh mengamalkan penggunaan elektrik secara berhemah dan bijak.